

29/07/1999

Pak Lah mahu belia contohi semangat Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu - Semangat patriotik dan kegigihan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sanggup tidak popular semata-mata untuk menyelamatkan Malaysia daripada kegawatan ekonomi, perlu dicontohi golongan muda negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata walaupun menerima kritikan dan tohmahan, terutama daripada masyarakat dunia, Dr Mahathir terus berjuang memulihkan ekonomi negara, sehingga sudah mula membuahkan hasil.

"Ini adalah beberapa pemerhatian yang diluahkan pemimpin beberapa negara dunia ketiga yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID '99) yang berakhir semalam.

"Semua pemimpin yang hadir menyifatkan Dr Mahathir sebagai contoh kegigihan dan semangat patriotik yang kuat kerana enggan tunduk kepada tekanan kuasa luar, khususnya Barat.

"Mereka berpendapat ketegasan dan semangat jitu Dr Mahathir sepatutnya menjadi contoh kepada anak-anak muda sekiranya sesebuah negara seperti Malaysia ingin terus mengekalkan kemerdekaannya.

"Saya berharap golongan muda negara ini dapat memahami hakikat ini bahawa seseorang itu perlu sanggup menjadi tidak popular tetapi akhirnya dunia terpaksa mengakui hakikat bahawa teorinya itu berjaya," katanya pada majlis makan malam 'Jasamu Dikenang' anjuran Belia 4B, di sini, malam tadi.

Abdullah berkata, belia negara perlu bangga kerana semakin ramai pemimpin luar melahirkan perasaan betapa bertuahnya anak muda negara ini mendapat pemimpin seperti Dr Mahathir.

Beliau bersyukur kerana kira-kira 30 persatuan belia di seluruh negara terus memberi sokongan terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN).

Abdullah yang menyifatkan Belia 4B sebagai 'tapak semaian' kemunculan pemimpin Umno, diharap dapat melahirkan lebih ramai pemimpin berwibawa pada masa depan.

Sementara itu, Presiden Belia 4B, Datuk Mohd Ali Rustam ketika berucap berkata Gerakan Belia 4B sudah bersetuju untuk berkerjasama dengan Pemuda Umno, Kelab Belia Malaysia dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) untuk berusaha membantu kerajaan menangkis pelbagai fitnah yang dilempar pembangkang.

Pada majlis itu, beberapa tokoh pemimpin yang pernah berjasa seperti Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid dianugerah Bintang Bakti Cemerlang.

(END)